

THE UNIVERSITY OF CHICAGO PRESS
S - AN - N - I - N - G

STUDY OF THE B. B. B. B.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO PRESS

**ANALISIS PENGELUARAN KELAPA SAWIT:
KAJIAN KES
LADANG RISDA (ESPEK) TERENGGANU TENGAH 1,
ULU PAKA, DUNGUN, TERENGGANU**

Oleh

SUZIZANA BINTI AB RAHMAN

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi
(Sumber Alam)

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

1100044388

PENGAKUAN

Saya akui Kertas projek (EKN 4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan.

1 April 2006



SUZIZANA BINTI AB RAHMAN
UK 8532

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998/4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

1st April 2006



SUZIZANA BINTI AB RAHMAN
UK 8532

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahiim.....

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T., selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta kesyukuran kepada-Nya kerana dengan limpah taufik dan hidayah-Nya yang telah memberi keazaman dan ketekunan untuk menyiapkan kertas projek ini.

Pertamanya, ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang dikasihi serta dihormati **Pn. Roseliza bt Mat Alipiah** selaku penyelia kertas projek. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, pandangan dan bimbingan serta teguran yang membina dalam segala aspek. Dengan keihlasan dan bantuan daripada beliau dapat saya menyempurnakan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Pengurus Ladang, pegawai-pegawai dan kakitangan Ladang (ESPEK) Terengganu tengah 1, terutamanya En Ridzuan Ab Hamid, Cik Rozilawati, Cik Junainah Shafie, Pn Fatimah Abdul Hamid dan En Mat Jusoh di atas kerjasama dan ilmu yang diberikan.

Dikesempatan ini juga, sejunjung kasih buat mak dan ayah yang merestui perjalanan ini, pengorbanan kalian akan dibawa ke akhir hayat. Juga diabadikan kasih buat Along, Achik, Ateh, abang dan adik, semoga sentiasa diberkati Allah dan bahagia di dunia dan akhirat.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada senior yang memberi tunjuk ajar iaitu Abang Big dan Abang Mitab. Buat E-cah, Zah, Leha dan Nor, kasih dan budi kalian akan tetap dikenang hingga akhir hayat. Doa dipohon agar kalian sentiasa dilindungi dan tercapai segala impian. Semoga ikatan yang terjalin ini akan kekal selamanya. Terima kasih di atas persahabatan dan keakraban yang dihulurkan.

Akhir kata, kepada Allah dipohon taufik dan hidayah-Nya, semoga hasil penulisan ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, Wassalam.

SUZIZANA AB RAHMAN

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

ziey_zmn@yahoo.com

ABSTRAK

Analisis pengeluaran pertanian merupakan bidang kajian yang terdapat dalam ekonomi pertanian. Dalam kajian ini, perbincangan adalah ditumpukan kepada analisis input output terhadap pengeluaran kelapa sawit di Ladang Terengganu Tengah 1. Analisis dijalankan dengan menggunakan fungsi pengeluaran kuadratik, di mana, jumlah hari kerja sebagai pembolehubah bebas dan hasil kelapa sawit sebagai pembolehubah bersandar. Keputusan kajian mendapati bahawa sebanyak 93.3 peratus jumlah hari kerja mempengaruhi tingkat pengeluaran kelapa sawit. Berdasarkan hasil kajian juga, tingkat pengeluaran maksimum dapat dianggarkan dan tingkat pengeluaran optimum diperolehi. Pada tingkat keluaran maksimum, bilangan hari kerja yang digunakan dalam sebulan ialah sebanyak 15 925 hari dan output yang dapat dikeluarkan ialah 6495 tan metrik dengan jumlah pekerja seramai 568 orang sebulan. Keputusan menunjukkan, jumlah hari kerja optimum ialah sebanyak 13 527 hari sebulan. Manakala output yang dikeluarkan adalah sebanyak 6348 tan metrik sebulan dan bilangan pekerja seramai 483 orang setiap bulan. Sebanyak RM 1 187 010.528 sebulan akan diperolehi jika pihak ladang beroperasi pada tingkat keluaran optimum.

ABSTRACT

Agriculture production analysis is one of the researches carried out in agriculture industry. In this research, discussions are more focused on the particular input and output production of palm oil in Terengganu Tengah 1 Plantation Estate. Analysis which is carried out is based on quadratic production function, where the total man days are considered as independent variable while the production of palm oil is considered as dependent variable. According to this relation, it was found that about 80.9 percent of the total man days influence the production of palm oil. Also through this analysis maximum production is predictable and optimum output can be achieved. At maximum output level, the numbers of man days within a month is 15 925 days, the output production are 6495 metric tones with sums of 568 workers is needed. The sum optimum man days are 13 527 days per month and production output is about 6348 tones per month with 483 workers per month. The expected profit will be gained by the owner at optimum production is RM 1 187 010.528 per month.